

# Keganasan terhadap gadis perlu kajian segera

B.H m/s c 9  
6.4.07

*Peningkatan kes babitkan remaja belasan tahun semakin membimbangkan masyarakat Malaysia*

**S**EJAK kebelakangan ini, boleh dikatakan setiap hari ada saja berita mengenai kes keganasan terhadap wanita khususnya rogol dilaporkan. Ada yang mengatakan berita berkenan mungkin hanya sebahagian kecil daripada kes sebenar yang berlaku, justeru penyelidikan bagi mengenal pasti senario semasa perlu dilaksanakan segera.

Pengarah Eksekutif All Women's Action Society (AWAM), Honey Tan Lay Ean, berkata pada masa ini timbul percanggahan antara bilangan kejadian keganasan terhadap gadis dan bilangan laporan terhadap keganasan seperti itu.

"Penyelidikan menunjukkan hanya satu dalam setiap 10 kes rogol dilaporkan. Jadi, apabila statistik bilangan kes dilaporkan meningkat, penyelidikan perlu dijalankan untuk mengetahui sama ada terdapat peningkatan dalam bilangan sebenar kes ataupun peningkatan dalam bilangan laporan yang dibuat.

"Oleh itu satu penyelidikan ke atas bentuk keganasan terhadap gadis dan wanita perlu dilaksanakan segera," katanya kepada *Bernama*.

Penyelidikan itu, jelas beliau akan menentukan bentuk keganasan yang mana kaum hawa lebih berisiko mengahaminya dan mengapa.



**SENGSARA:** Akibat perbuatan ayah sendiri mangsa terpaksa melalui hidup yang sukar.

hadapinya dan mengupa.

"Pada tahap ini, apa yang ditunjukkan oleh statistik ialah gadis berusia 15 tahun dan ke bawah mudah dianiaya. Hari ini, semakin ramai gadis muda berada di tempat awam kerana pelbagai aktiviti yang dianjurkan sama ada pihak sekolah mahupun mahupun swasta dan biasanya, tempat sebegini tidak lagi selamat," katanya.

Tan berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil bahawa keganasan terhadap wanita, khasnya gadis, meningkat pada kadar yang mengejutkan, dengan bilangan kes rogol di negara berganda sejak enam tahun yang lalu daripada 1,217 pada 2000 kepada 2,341 pada 2006.

Pengarah Eksekutif Women's Development Collective, Maria Chin Abdullah,

berpendapat pendidikan seks adalah antara jalan penyelesaian dalam mengubah perilaku seksual golongan muda ketika di bangku sekolah lagi.

"Sejak 20 tahun lalu, kebanyakan persatuan wanita memperjuangkan pendidikan seks di sekolah. Statistik kini menunjukkan penyerang dan mangsa semakin muda. Perkembangan baru ini mesti ditangani segera dengan membetulkan sistem nilai di sekolah," katanya.

Maria berkata, adalah jelas remaja lelaki seperti juga lelaki dewasa tidak menghormati hak wanita seperti yang dapat dilihat daripada bilangan kes keganasan terhadap gadis yang semakin meningkat.

"Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (LPWKM) mesti menunjukkan pecahan statistik rogol untuk menunjukkan betapa teruknya

masalah itu, misalnya rogol berkumpulan, rogol janji temu, atau rogol lazim. Maklumat ini adalah penting dalam menentukan tindakan terbaik dalam menangani masalah ini.

"Kerajaan tidak harus melewatkan lagi pelaksanaan pendidikan seks di sekolah. Biar kita mula mendidik generasi muda kita secepat mungkin sebelum mereka mempelajari perkara negatif daripada golongan yang tidak layak sehingga terjerumus dalam angkara buruk," katanya.

Dalam hubungan ini, Pengarah Eksekutif Amnesty International, Josef Roy Benedict, berkata bukan semua masyarakat memahami isu jantina.

"Isu ini mempengaruhi dasar di semua peringkat masyarakat dan sering kali mengukuhkan pandangan steroaip peranan lelaki dan wanita. Masih men-

jadi tanggapan umum bahawa tanggungjawab lelaki ialah untuk mencari kerja dan menyara keluarga, sementara wanita menjaga rumah dan anak.

"Hak wanita untuk keluar mencari mata pencarian tidak diberi pertimbangan sewajarnya ataupun dianggap tidak penting. Minda stereotaip tipikal ini mesti diubah," katanya.

Beliau turut menjelaskan gambaran media mengenai wanita perlu juga dibetulkan.

"Tidak memadai sekadar mencapai kesaksamaan jantina, sebagai contoh menyediakan peluang pekerjaan saksama bagi wanita dan lelaki. Juga perlu ada kesedaran hak jantina pada setiap orang, untuk memastikan seperti lelaki, wanita juga mempunyai kebebasan untuk bergerak dalam persekitaran selamat," katanya. - Bernama.